

**Najib Berlepas Ke Kemboja Hadiri Sidang Kemuncak Asean
Bernama
17 November, 2012**

SEPANG, 17 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berlepas ke Kemboja Sabtu untuk mengetuai delegasi Malaysia ke Sidang Kemuncak Asean ke-21 dan Sidang Kemuncak Berkaitan di Phnom Penh.

Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Rosmah Mansor berlepas dengan pesawat khas kira-kira 7.45 malam dari Kompleks Bunga Raya, Lapangan Terbang Antarabangsa KL di sini.

Delegasi itu termasuk Menteri Luar Datuk Seri Anifah Aman dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Pada mesyuarat tiga hari itu yang bermula Ahad, Najib dijangka mengetengahkan antara lain isu Gerakan Kesederhaan Global, Laut China Selatan dan Palestin.

Di luar sidang kemuncak, Perdana Menteri dijadual mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri China, Wen Jiabao, Presiden Myanmar, Thien Sein dan Perdana Menteri Vietnam, Nguyen Tan Dung.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=709641>